



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

AI AND THE FUTURE OF ENGINEERING CAREERS

MASAI, 2 JULAI 2026 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) meneruskan penganjuran MOSTI TECHTalks siri ke-2, bagi tahun 2026 dengan topik **AI and the Future of Engineering Careers** berlangsung di Perpustakaan Tun Dr. Ismail, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Masai, Johor. TECHTalks kali ini telah mengetengahkan YB Datuk Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan YBrs. Profesor Ir. Ts. Dr. Juliana Johari, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni) UiTM sebagai ahli panel.

Dalam sesi tersebut YB Datuk Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, telah berkongsi bahawa kecerdasan buatan (AI) bukan ancaman kepada kerjaya kejuruteraan, sebaliknya merupakan pemangkin yang mengubah cara bakat kejuruteraan bekerja dan berfikir dalam menyelesaikan masalah. Menurut beliau, graduan diploma kejuruteraan kekal memainkan peranan penting sebagai tenaga teknikal yang mampu mengoperasi, menyelenggara dan menambah baik sistem berasaskan AI dalam persekitaran industri sebenar.

Sesi panel tersebut telah disusuli dengan sesi soal jawab yang dikendalikan oleh Dr. Tan Shu Ying, Ketua Perundingan Projek di *Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MIGHT).

Turut hadir ke program MOSTI TECHTalks siri ke-2/2026 termasuk YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha MOSTI, pengurusan tertinggi MOSTI dan lebih 250 orang peserta UiTM. Penganjuran MOSTI TECHTalks ini

mencerminkan komitmen kerajaan MADANI dalam memperluas capaian ilmu STI dan memupuk interaksi secara langsung antara kerajaan, akademik dan masyarakat tempatan, serta selari dengan teras daya cipta dan keyakinan dalam konsep Malaysia MADANI.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

2 JULAI 2026